

25/06/2001

Semangat perhimpunan Umno wajar berkekalan

PERHIMPUNAN Agung Umno Ke-55 berakhir sudah. Dirangsang oleh rentetan ucapan bersemangat, baik oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ahli Majlis Tertinggi (MT) mahupun wakil yang terbabit dalam perbahasan selama tiga hari berturut-turut, perwakilan dan pemerhati meninggalkan dewan persidangan dengan semangat dan iltizam yang meluap-luap. Tepukan gemuruh, sorakan dan gelak-ketawa sepanjang perhimpunan ibarat tonik yang diperlukan mereka bagi memacu Umno ke arah matlamat yang dicita-citakan. Tentulah cabaran buat keseluruhan ahli Umno kini bukan sekadar mengimbau segala kenangan sepanjang persidangan, malah menghayati dan menterjemahkannya kepada gerak kerja terancang, efisien serta mampu membuahkan hasil yang diharap-harapkan.

Andainya pilihan raya umum dijadualkan berlangsung esok atau lusa, semangat dan iktibar daripada perhimpunan agung kali ini mungkin tidak menyukarkan Umno meraih kemenangan besar. Namun, jarak masa dengan 2004, kalau dihitung, masih panjang hingga boleh membuat ahli Umno kembali berselesa menantikan detik perhitungan. Sebaliknya, jika ditimbang-timbang usaha yang harus dilakukan, masa yang terluang sebenarnya amat suntuk. Umno tidak mampu berlengah dalam memastikan kesinambungan kekuasaan. Kerana itu, adalah amat penting semangat daripada perhimpunan kali ini dipastikan berkekalan untuk hari mendatang dan bukan ditinggalkan di dewan persidangan yang kembali lengang. Inilah yang diharapkan oleh Presiden Umno tidak mudah dilupakan, sebaliknya sentiasa segar dan mekar dalam ingatan andainya perjuangan Umno hendak dijayakan.

Hanya Umno yang berupaya menjamin orang Melayu bukan saja takkan hilang di dunia, malah kekal dengan ketuanannya. Tiada alternatif bagi Umno, jauh sekali Pas yang mendakwa berupaya melakukan itu dan ini. Pas tidak pun memiliki keupayaan untuk mentadbir, tiada program bagi meningkatkan kemajuan negara, apatah lagi untuk menjanjikan orang Melayu kekal berkuasa. Di Kelantan dan Terengganu, tiada apa yang parti itu dapat banggakan. Malah, demi mencapai cita-cita politiknya, Pas sanggup mempertaruhkan ketuanan dan keistimewaan Melayu sebagai tukaran kepada undi. Inilah yang amat berbahaya kerana Pas sanggup menggadaikan apa saja pada ketika kerjasamanya dengan parti bukan Melayu, terutama DAP, jelas amat rapuh. Menyokong Pas samalah juga dengan mempertaruhkan masa depan negara, tambahan pula kemajuan dan kesejahteraan negara memerlukan lebih daripada modal air liur untuk memfitnah dan mencaci.

Begitupun, ia tidak bermakna ahli Umno boleh berpeluk tubuh untuk mengatasi ancaman Pas, dengan keputusan pilihan raya umum 1999 hendaklah dijadikan pengajaran. Sebagaimana disarankan oleh Dr Mahathir, langkah harus bermula dengan mentaati Presiden, berpegang kuat kepada disiplin, mengikis sebarang kepentingan diri dan mengelakkan pertelagahan sesama sendiri dengan ikrar keramat untuk mengutamakan kepentingan parti. Dengan keahlian seramai tiga juta orang serta memiliki jentera yang lengkap serba-serbi, Umno sebenarnya sebuah organisasi yang amat kukuh. Cuma sikap berlawanan ahli Umno sendiri yang boleh menghakisnya sedikit demi sedikit hingga dieksploitasi parti lawan. Inilah yang perlu dicegah daripada menjadi barah. Moga-moga perhimpunan agung kali ini dapat menyedarkan ahli Umno terhadap kekuatan yang dimilikinya serta kelemahan yang boleh kembali meresapinya sambil menjadikan sejarah sebagai panduan dan sempadan.

(END)